

PM bimbang penculikan di Semporna berniat melagakan Malaysia, China
Astro Awani
4 April 2014

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bimbang penculikan warga China di Semporna, Sabah mungkin perbuatan pihak tertentu untuk melagakan Malaysia dengan China selepas kejadian kehilangan MH370.

Najib pada masa sama mengarahkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) segera menyiasat kes penculikan tersebut.

Dua wanita, masing-masing pelancong China dan seorang pekerja resort di Pulau Singamata, Semporna, dipercayai diculik sekumpulan lelaki 10.30 malam Rabu.

Menurut saksi, mangsa dipercayai di culik sekumpulan enam lelaki.

Ia disahkan Ketua Pengarah Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) Datuk Mohammad Mentek.

Beberapa kes culik sebelum ini dilaporkan berlaku di Sabah.

Antaranya kes penculikan pelancong berpotensi dari Taiwan di Pulau Pom Pom di Semporna, Sabah November tahun lalu.

Sabah mencatatkan kehadiran sejumlah 100 ribu pelancong antara September hingga November tahun lepas dengan 50 peratus daripadanya adalah dari Asia Timur.

Sementara itu, Kementerian Luar China memantau rapat perkembangan penculikan di Semporna melalui konsulatnya di Kuching, Sarawak.

Dalam pada itu, Malaysia bekerjasama erat dengan pihak berkuasa Filipina untuk mengesan mangsa culik berkenaan.

Manila turut mengerah pasukan keselamatannya membantu Malaysia mengesan mangsa culik.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D). All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/news/show/pm-bimbang-penculikan-di-semporna-berniat-melagakan-malaysia-china-33143?cp>